

# PENGLIBATAN PENGUSAHA KAPAL SEWAAN DALAM AKTIVITI MEMANCING REKREASI LAUT DALAM DI KOTA KINABALU, SABAH

*(The Involvement Of Rental Ships Operators In Deep-  
Sea Recreational Fishing Activities In Kota Kinabalu, Sabah)*

Jabil Mapjabil<sup>1</sup>, Mohd Zulhalmi Ibrahim<sup>1</sup> & Mohamad Pirdaus Yusoh<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

jabil@ums.edu.my

**Abstrak:** *Pengusaha kapal sewaan adalah aktor yang paling penting dalam aktiviti memancing rekreasi mahupun komersial. Namun, kajian terhadap pengusaha kapal sewaan ini masih kurang. Kajian awalan tentang penglibatan pengusaha kapal sewaan terhadap aktiviti memancing rekreasi adalah penting dan relevan. Kajian ini meneliti tentang penglibatan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu, Sabah. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah pendekatan tinjauan dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif. Informan kajian ini terdiri daripada 15 orang pengusaha dan pekerja kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual mendalam, temu bual secara tidak langsung, senarai semak dan pemerhatian. Terdapat empat jenis penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi laut dalam di lokasi kajian iaitu pengurusan, perkhidmatan, pertandingan dan penjana ekonomi. Dari segi aspek perkhidmatan, ia merangkumi pakej, tempahan dan lokasi aktiviti memancing. Dari aspek penglibatan dalam pertandingan pula, majoriti pengusaha kapal melibatkan diri dalam aktiviti pertandingan memancing peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah (SAA) setiap tahun. Seterusnya penglibatan dalam penjana ekonomi menunjukkan keuntungan perusahaan kapal yang diperolehi dikira berdasarkan hasil daripada sewaan pemancing rekreasi manakala penjana ekonomi bagi kapten kapal dan krew kapal pula dikira berdasarkan gaji sebulan dan pemberian komisen setiap kali turun ke laut. Sebagai rumusannya, pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing laut dalam memiliki peranan yang signifikan dalam meningkatkan aktiviti sukan memancing rekreasi sekali gus memberikan manfaat kepada komuniti sebagai suatu amalan cara hidup yang sihat dan mampu menjana pendapatan kepada negara.*

**Kata Kunci:** *Penglibatan, Pengusaha kapal sewaan, Aktiviti memancing rekreasi, Laut dalam*

**Abstract:** *Rental ships operators are the most important participants in recreational and commercial fishing activities. Nevertheless, there is still a shortage of research on these rental ship operators. The preliminary research on the role of rental ship operators in recreational fishing activities is important and relevant. This study explores the role of ship operators in deep-sea recreational fishing activities in Kota Kinabalu, Sabah. The concept of the research used the survey methodology through the application and usage of qualitative methods. The informants of this analysis were 15 owners and crews of deep-sea fishing ships in Kota Kinabalu. The data collection methods used are in-depth interviews, indirect interviews, checklists, and observations. There are four forms of involvement of charter ship operators in deep water recreational fishing activities in the study area, namely, management, facilities, competition, and economic growth. In terms of service, it includes bundles, bookings, and locations for fishing activities. In terms of competition participation, the majority of ship operators engage in the international fishing competition organized annually by the Sabah Peer Association (SAA). Subsequent commitments to economic growth indicate that the productivity of the shipbuilding company is measured on the basis of profits from the renting of recreational fishermen, while the economic benefits for the captain of the ship and the crew are measured on the basis of monthly wages and commissions for each voyage to the sea. In conclusion, owners of ships who are engaged in deep-sea fishing activities play a significant role in enhancing recreational fishing activities, thereby benefiting the community as a safe lifestyle and generating income for the nation.*

**Keywords:** *Involvement, Rental ships operators, Recreational fishing activities, Deep-sea*

2020 JGBSE

## PENGENALAN

Aktiviti rekreasi memancing berkembang dengan pesat dengan peningkatan terhadap aktiviti memancing yang dilakukan khususnya untuk keseronokan di samping menjadikan aktiviti ini sebagai sumber pendapatan sampingan dan sebagai sumber makanan (Cooke & Cowx, 2005). Prinsip fundamental perikanan berasaskan rekreasi memerlukan usaha yang tinggi dan hasil tangkapan yang rendah berbanding perikanan berasaskan komersial (Pereira & Hansen, 2003). Sehubungan dengan itu, pembangunan aktiviti rekreasi memancing berupaya membangunkan aspek pemuliharaan ekosistem dan membantu objektif sebenar pemeliharaan dan pemuliharaan khususnya terhadap persekitaran marin dan umumnya terhadap komuniti pesisir pantai. Aktiviti rekreasi memancing berupaya mengurangkan penangkapan ikan secara berlebihan (Cox et al., 2002). Hal ini berikutan penangkapan ikan komersial secara berlebihan telah menyebabkan sumber ikan berkurangan dan menjejaskan sumber pada masa hadapan. Dengan adanya aktiviti rekreasi memancing menggunakan prinsip tangkap dan lepas, ekosistem marin dan penduduk di pesisir pantai dapat dipelihara (Barnhart & Roelofs, 1977; Policansky, 2002; Aas et al., 2002).

Selain itu, aktiviti rekreasi memancing mampu membangunkan ekonomi penduduk di sekitarnya dengan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan tumpuan industri pemprosesan perikanan secara komersial. Aktiviti rekreasi memancing turut memberikan manfaat ekonomi kepada penduduk di pesisir pantai dengan berniaga peralatan aksesori memancing (Pascoe et al., 2014). Tambahan pula, aktiviti rekreasi memancing mampu menambahkan pendapatan penduduk pesisir pantai dengan membuat perkhidmatan sewa bot dan kapal untuk membawa pemancing ke kawasan laut dalam selain daripada menggunakan untuk tujuan menangkap ikan.

## TIPOLOGI PENGLIBATAN KOMUNITI

Kajian mengenai pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi masih kurang dilakukan di Malaysia. Untuk itu, kajian ini meneliti tentang penglibatan pengusaha kapal sewaan terhadap aktiviti memancing rekreasi laut dalam di Kota Kinabalu, Sabah. Menurut Pretty (1995), terdapat tujuh tipologi penglibatan komuniti apabila terdapatnya satu-satu program atau aktiviti dijalankan (Jadual 1). Menurut Cornwall (2002), penglibatan adalah sebagai suatu instrumen perubahan dalam tiga keadaan. Pertama, penglibatan boleh dilihat sebagai alat bagi melaksana, menguatkuasa atau/dan menggalakkan perubahan berlaku dalam pembangunan; kedua, menerusi penglibatan, perbandingan boleh dibuat tentang strategi dan pendekatan yang dilaksanakan sekarang dengan strategi yang dahulu atau inisiatif pembangunan yang tidak bergantung kepada penyertaan yang akhirnya penglibatan itu boleh membuka kepada perspektif baru tentang sesuatu isu. Ketiga, penglibatan berpotensi melakukan perubahan kerana penglibatan juga berubah mengikut perubahan keadaan dan perbezaan antara individu yang terbabit. Bagi memastikan keberkesanan penglibatan, strategi pembangunan komuniti lestari memerlukan keputusan dibuat bersama-sama dengan komuniti setempat atau sekurang-kurangnya maklumat dan cadangan diperolehi daripada komuniti (Wates, 2000).

**Jadual 1.** Tipologi Penglibatan Komuniti dalam Pembangunan

<b>Bentuk penglibatan</b>	<b>Penjelasan</b>
Penglibatan manipulatif	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penglibatan ahli komuniti bersifat lakonan.</li><li>• Individu yang mewakili komuniti di meja rundingan tidak terpilih secara rasmi dan tiada penduduk yang terlibat biasanya disuruh untuk menjayakan sesuatu projek.</li></ul>
Penglibatan pasif	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penduduk yang terlibat biasanya disuruh untuk menjayakan sesuatu projek.</li><li>• Maklum balas penduduk tidak diminta atau pengarah projek tidak mengambil kira respon penduduk kerana lebih menekankan pendapat ahli profesional luar.</li></ul>
Penglibatan konsultasi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli komuniti dinasihatkan supaya terlibat dalam projek.</li><li>• Namun, agensi luar masih mengawal semua proses pembangunan.</li></ul>
Penglibatan insentif	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli komuniti terlibat menyumbangkan tenaga buruh untuk mendapat wang tunai atau material lain.</li><li>• Ia masih dianggap penglibatan dan penglibatan berakhir bila insentif berakhir.</li></ul>
Penglibatan fungsi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli komuniti berfungsi dalam pembentukan sesuatu tindakan secara kumpulan dengan agensi luar untuk mencapai objektif projek.</li><li>• Tiada penglibatan dalam membuat keputusan kerana keputusan projek telah ditentukan oleh agensi pembangunan luar tersebut.</li></ul>
Penglibatan interaktif	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ahli komuniti terlibat dan berkerjasama dengan agensi pembangunan. Penglibatan dianggap sebagai hak untuk terlibat.</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penglibatan melalui proses penyelidikan, mengukuh institusi tempatan dan dapat mengawal sumber dan mencapai matlamat projek.</li><li>• Keputusan pembangunan di peringkat tempatan dikuasai oleh komuniti.</li></ul>
Penglibatan sendiri	<ul style="list-style-type: none"><li>• Komuniti terlibat melalui inisiatif sendiri atau sendiri secara bebas. Mereka dapat mencapai matlamat projek dengan jayanya.</li><li>• Namun, penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).</li></ul>

Sumber: Pretty (1995).

## SOROTAN LITERATUR

Kapal sewaan umumnya merujuk kepada perusahaan membawa penumpang yang beroperasi apabila adanya permintaan (Oh et al., 2012). Industri kapal sewaan menyediakan peluang kepada pengunjung dan pemancing rekreasi yang tidak memiliki kapal untuk memancing ke laut (Oh et al. 2016). Industri kapal sewaan dalam aktiviti memancing adalah salah satu penggerak ekonomi umumnya dalam pelancongan memancing dan khususnya terhadap pemancing yang sanggup membelanjakan wang kerana ia mampu menjana peluang pekerjaan dan sumber pendapatan penduduk di pesisir pantai. Di North Carolina, USA terdapat 727 perusahaan kapal sewaan dan 27 buah syarikat perusahaan kapal sewa (Dumes et al., 2009). Berdasarkan jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 431,000 orang penyewa dan penumpang telah menyumbang terhadap ekonomi negara iaitu sebanyak US667 juta, dengan selebihnya sebanyak US261 juta untuk gaji kepada 10,202 orang pekerja dalam sektor berkenaan. Menurut Ditton et al. (2001), industri perusahaan kapal sewaan merupakan perkhidmatan penting kepada pemancing yang tidak mempunyai pengangkutan untuk memancing. Trip memancing yang menggunakan perkhidmatan ini didominasi oleh kategori keluarga, kawan dan sebilangan kecilnya adalah ahli perniagaan (Ditton et al., 1991).

Terdapat sebelas kategori utama yang dikemukakan oleh Menurut Ditton et al. (1991) yang menunjukkan tahap keselesaan pemancing dalam pemilihan kapal sewaan ketika aktiviti memancing, iaitu (i) keselamatan; (ii) jumlah tangkapan; (iii) kebolehan kapten kapal; (iv) prestasi krew kapal; (v) kehadiran keluarga dan rakan; (vi) alat bantu pelayaran; (vii) keadaan kapal; (viii) harga; (ix) cuaca; (x) perkhidmatan yang diberikan dan (xi) lokasi memancing. Dalam hal ini, kebanyakan kajian mendapati keselamatan merupakan aspek yang dititikberatkan oleh pemancing ketika menggunakan perkhidmatan kapal sewaan untuk aktiviti memancing (Samples & Schug, 1985; Ditton & Strang, 1974). Namun begitu, terdapat juga tumpuan yang diberikan terhadap kebolehan kapten kapal dan prestasi krew kapal (Falk et al., 1983; Carls, 1976). Di beberapa lokasi seperti Delaware, New York dan Alaska pula, kehadiran ahli keluarga dan rakan menjadi faktor yang penting untuk melakukan aktiviti memancing menggunakan kapal sewaan berbanding meluangkan masa bersama rakan perniagaan (Coughenower, 1986; Falk et al., 1983). Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya pemancing yang menggunakan perkhidmatan kapal sewaan aktiviti memancing lebih mementingkan persepsi dan penilaian berbanding situasi (Graefe & Fedler, 1986).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Burn dan Holden (1995), kaedah kualitatif adalah suatu strategi mengenal pasti masalah, mengumpul dan menganalisis data untuk rancangan akhir kajian. Data dalam kajian ini adalah bersifat subjektif, iaitu diperolehi melalui percakapan, pemerhatian dan penyemakan perkara yang berkaitan dengan fenomena yang dikaji. Creswell (2013) dan Jennings (2010) berpendapat penyelidik perlu menetapkan masa turun ke lapangan, mendekati diri dengan kehidupan ruti harian komuniti agar penyelidik lebih memahami fenomena sosial dan kehidupan komuniti.

Kajian ini melibatkan 15 orang informan di jeti kapal Segama di Kota Kinabalu. Pemilihan bilangan informan adalah berdasarkan teknik snowball. Seterusnya, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan dan tidak mewakili populasi tertentu, namun ia sekurang-kurangnya dapat memberikan gambaran awal tentang bidang kajian (Syed Arabi Idid, 1998; Wimmer & Dominick, 1997). Temu bual mendalam dan tidak langsung dijalankan berdasarkan borang panduan temu bual yang disediakan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### (i) Ciri Demografik Informan

Untuk profil demografik, kesemua 15 informan adalah lelaki dengan majoritinya berbangsa Bajau iaitu 11 orang (Jadual 2). Status perkahwinan menunjukkan informan berstatus berkahwin lebih ramai berbanding responden yang berstatus bujang iaitu 13 orang. Majoriti informan adalah krew kapal iaitu 10 orang, diikuti pemilik kapal - dua orang dan kapten kapal - tiga orang. Dari segi umur pula, informan yang paling ramai adalah dalam lingkungan 31 hingga 40 tahun iaitu seramai lima orang.

**Jadual 2:** Ciri Demografik Informan

Perkara	Kategori	Bilangan
Jantina	Lelaki	15
	Perempuan	-
Bangsa	Bajau	11
	Bugis	1
	Cina	3
Status perkahwinan	Berkahwin	13
	Bujang	2
Status pekerjaan	Pemilik Kapal	3
	Kapten Kapal	2
	Krew kapal	10
Peringkat umur	20 – 30 Tahun	2
	31 – 40 Tahun	5
	41 – 50 Tahun	3
	51 – 60 Tahun	3

## **(ii) Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Aktiviti Memancing Rekreasi Laut Dalam di Kota Kinabalu**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat jenis penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti memancing rekreasi laut dalam Kota Kinabalu, Sabah, iaitu aspek pengurusan, perkhidmatan, pertandingan dan penjana ekonomi. Dalam kajian ini, pengusaha kapal melibatkan pemilik kapal, kapten dan pekerja am (kru) di kapal sewaan tersebut.

### **(a) Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Aspek Pengurusan**

Penglibatan pengusaha kapal dalam aspek pengurusan terbahagi kepada dua bahagian iaitu faktor perundangan yang merangkumi proses permohonan lesen kapal dan faktor bukan perundangan yang merangkumi penglibatan pengusaha kapal dalam seminar, kursus dan dialog.

#### *Perundangan*

Dalam kajian ini mendapati pengusaha kapal sewaan terlibat secara langsung dalam proses permohonan lesen kapal dan mengetahui asas mengenai permohonan lesen di Jabatan Pelabuhan dan Dermaga serta di Jabatan Laut Malaysia. Kebanyakan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing berurusan di Jabatan Pelabuhan dan Dermaga kerana berat kapal yang tidak melebihi 15 tanan kasar. Menurut seorang informan;

*Saya tahu juga prosedur permohonan lesen ni, di Jabatan Laut, Pelabuhan Dermaga. Banyak jenis lesen ni, ada (F) maksud dia fishing, (P) passanger, (R) untuk recreational, jabatan pelabuhan dan dermaga ni berkuasa dalam negeri sahaja, tapi ikut bidang kuasa la kalau pegawai di KK ni dia berkuasa untuk pantai barat ja, kalau pantai timur lain lagi pegawai dia. Jabatan laut ni dia kasi keluar tu SJN untuk lesen persekutuan punya, jadi kapal yang ada no pendaftaran SJN ni boleh belayar la di Malaysia, tapi susah juga mau apply SJN ni sebab banyak bah dia punya proses, kalau SJN dalam kapal tuh mesti ada 3 pepadam api ko mau letak, kalau lesen biasa ja ko apply di Jabatan Pelabuhan dan Dermaga dia minta 2 pepadam api ja sebab itu lah banyak orang pilih buat lesen di JPD.*

(Informan 2, Pemilik Kapal)

Menurut seorang informan lain;

*...tahu juga la sikit-sikit, kalau mau secara terperinci tuh saya nda tahu suda...*

(Informan 7, Kru Kapal)

Pernyataan ini turut disokong oleh seorang lagi informan. Menurut beliau;

*Saya tahu juga la, tapi kalau saya cakap sekarang mungkin saya nda dapat kasitau satu-satu sebab banyak bah tu mau kena isi, mungkin kalau ada orang tolong boleh juga bai tu...*

(Informan 12, Kru Kapal)

### *Bukan Perundangan*

Penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam aktiviti bukan perundangan adalah dengan menyertai sesi dialog yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah bertujuan untuk membincangkan masalah yang dihadapi dan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi di Kota Kinabalu. Seperti yang dinyatakan oleh seorang informan;

*...ada hari tu kami kena suruh ikut seminar sana dekat Hotel Yaho... seminar ni pun, orang dari persatuan memancing yang buat, banyak la maklumat yang kami dapat dari dorang, apa masalah yang berlaku, macam mana mau kasi bagus kapal kami baru tuh saya dengar-dengar la macam dorang mau kasi naik sewa kapal tapi saya nda tau la kalau jadi atau tidak...*

(Informan 9, Kru Kapal)

Terdapat juga responden yang tidak pernah mengikuti sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh mana-mana agensi dan jabatan tetapi pernah terdengar akan aktiviti seperti kempen. Menurut informan tersebut;

*...sepanjang saya kerja sini, nda ada pula saya pernah ikut seminar atau apakah, mungkin sebab saya selalu di laut bah kali, jarang saya selalu di sini, kalau suda balik dari laut pun saya terus balik sana pulau, tapi kalau macam kempen-kempen tu selalu la saya dengar...*

(Informan 13, Kru Kapal)

Berdasarkan hasil temu bual ini, dapat disimpulkan bahawa sesetengah pengusaha kapal sewaan mengetahui terdapat aktiviti seperti seminar dan kempen yang diadakan. Taklimat yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah membuktikan penglibatan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing di Kota Kinabalu. Namun, terdapat juga pengusaha kapal sewaan yang tidak pernah turut serta mana-mana aktiviti tersebut. Oleh itu, penglibatan daripada pihak kerajaan dan swasta penting untuk memberi galakan dan sokongan kepada pengusaha kapal sewaan pancing rekreasi di Kota Kinabalu.

### **(b) Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Aspek Perkhidmatan**

Berhubung dengan penglibatan pengusaha kapal sewaan dalam perkhidmatan dari segi pakej dan bayaran, rata-rata informan mengetahui dan menyediakan pakej dan bayaran sewaan kapal memancing terhadap pelanggan mereka. Menurut seorang informan;

*...kami ada buat pakej 3 hari 2 malam, 2 hari 1 malam dengan daytrip pun ada kami buat, tapi harga tengok saiz kapal la kalau macam kapal ini harga dia RM3,500 la untuk 3 hari 2 malam... Jumaat jalan Aahad balik. Lagi besar kapal, lagi mahal, makanan pun ikut hari tapi ikut selera pelanggan (pemancing rekreasi) juga, kalau dia mahu lebih kami kasi lebih, tapi bayaran pun kami kasi lebih la, selalunya kalau sudah tempah bagi deposit dulu, kalau mau bagi deposit paling lewat 1 minggu sebelum jalan.*

(Informan 1, Kru Kapal)

Namun begitu, terdapat pengusaha kapal yang tidak menyediakan pakej untuk menyewa kapal mereka. Menurut seorang informan;

*...kami tiada guna pakej... kami tunggu orang ja kalau mau sewa kami, bagus kalau orang luar ko bawa... abis kalau orang lokal ko bawa sewa dia RM3,000 3 hari... tapi kalau yang macam orang luarkan dia RM6,000... itu lah kami punya bos dia pok orang luar... tapi kalau orang luar kena pandai layan... ko mesti tahu apa dorang mau makan...*

(Informan 3, Kru Kapal)

Hal ini turut disokong oleh seorang informan lain yang menyatakan bahawa mereka tidak menggunakan pakej tertentu untuk menarik pelanggan;

*...customer sini main datang terus ja... dalam satu trip kalau kapal ini setahu saya la... ini kapal kalau 2 malam RM3,200...*

(Informan 6, Kru Kapal)

Hasil daripada analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat pengusaha kapal yang menawarkan pakej kepada pelanggan. Pakej yang ditawarkan adalah dua hari satu malam, tiga hari dua malam dan tujuh hari enam malam. Namun, terdapat juga pengusaha kapal yang tidak menawarkan pakej kepada pelanggan. Hal ini disebabkan pelanggan yang berjumpa dengan mereka di jeti Segama akan terus membuat tempahan untuk menyewa kapal. Melalui pemerhatian penyelidik mendapati pengusaha kapal yang menyediakan pakej lebih banyak menerima tempahan berbanding pengusaha kapal yang tidak menyediakan pakej. Hal ini selaras dengan kajian Ditton et al. (1991) yang menegaskan sumber informasi yang terdapat dalam pakej adalah suatu kaedah yang efektif untuk menarik minat pemancing rekreasi memancing di laut dalam. Hal ini turut disokong oleh Dittrich (1974) yang menjelaskan pemahaman mengenai aspek pemasaran dan promosi mempengaruhi pemancing untuk memilih kapal memancing untuk disewa.

### *Tempahan*

Pemancing rekreasi yang ingin menyewa kapal sewaan aktiviti memancing terlebih dahulu perlu menempah kapal supaya pengusaha kapal sewaan dapat menyusun jadual tempahan agar tidak bertindih dengan tempahan daripada pemancing lain. Ini adalah seperti yang dijelaskan oleh informan;

*Mesti buat tempahan dulu supaya kami boleh kasi kompom date dia, sebab kalau macam tadi date dia kosong baru kami kasi sebab kalau tidak terpaksa dorang cari hari lain... kalau nda... bertindih tu masa dengan orang lain punya booking...*

(Informan 10, Kru Kapal)

Informan lain pula menjelaskan;

*Ada yang booking kapal kami ni orang yang sudah kenal dengan kami sebab dorang cakap servis kami bagus... kapal kami pun selesa lepas tu kadang-kadang ada juga dari kawan dorang yang kasi promosi kapal kami... kadang-kadang ada juga orang yang datang sini minum-minum lepas tuh tanya-tanya macam mana*



*mau sewa ni kapal... majikan kami pun ada juga buat promosi dengan pelancong asing tapi kebanyakannya orang dari China sebab bos kami ni pun orang cina jadi senang la dia berurusan. Harga dorang ni berbeza dari harga orang kita... kalau orang kita ambil 3 hari 2 malam RM3,500 kan...tapi kalau dorang ambil 3 hari 2 malam harga dorang RM6,000 pandai kan bos tuh...*

(Informan 4, Kapten Kapal)

Dapatan kajian menunjukkan tempahan kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi perlu dibuat dahulu untuk membolehkan pengusaha kapal sewaan mengatur dan menyusun jadual tempahan. Pengaturan dan penyusunan jadual tempahan ini bertujuan untuk memastikan tidak berlakunya pertindihan masa dan waktu di antara pelanggan yang lain. O'Keefe et al. (2011) menegaskan hubungan antara kapten kapal yang lain adalah penting untuk mengelakkan tempahan pelanggan yang banyak untuk satu-satu kapal sahaja. Hasil temu bual dan pemerhatian penyelidik mendapati pengusaha kapal sewaan menerima tempahan daripada pelanggan tetap yang sering menggunakan perkhidmatan mereka kerana servis yang diberikan kepada pelanggan juga mempengaruhi tempahan semula daripada pelanggan. Hal ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Ditton et al. (1991) yang menjelaskan kejayaan pengusaha kapal sewaan bergantung kepada kepuasan pelanggan melakukan aktiviti memancing di atas kapal. Menurut Graefe dan Fedler (1986), kepuasan pelanggan melakukan aktiviti memancing bergantung kepada beberapa faktor iaitu keinginan untuk menangkap banyak ikan, keseronokan dan kemahiran kapten kapal serta sikap krew kapal. Menurut Samples dan Schug (1985), penilaian pemancing terhadap kemahiran kapten kapal mengemudi kapal penting untuk memastikan keselamatan mereka.

### *Lokasi*

Berdasarkan temu bual dengan informan, lokasi pemilihan aktiviti memancing bergantung kepada pengusaha kapal dan pemancing. Informan menyatakan lokasi aktiviti memancing yang dipilih adalah sekitar perairan Pulau Mengalum, Pulau Layang-Layang dan Pulau Mantanani. Informan juga pernah menerima tempahan daripada pemancing yang menyewa kapal mereka untuk kembali semula ke lokasi aktiviti memancing berikutan hasil tangkapan yang banyak diperolehi sebelumnya. Menurut informan tersebut;

*...selalunya pemancing yang pilih lokasi memancing, kalau dia mau pigi laut Pulau Mengalum kami bawa la dia pigi sana... tapi kami juga yang cari lubuk ikan tu guna sensor...*

(Informan 8, Kru Kapal)

Selain itu, pemilihan lokasi aktiviti memancing juga bergantung kepada faktor masa. Ia seperti yang dijelaskan oleh informan berikut;

*...kami tinguk juga di mana dorang mau pegi, kalau dorang mau pegi lama macam 7 hari 6 malam, bolehlah kami bawa pigi Pulau Layang-Layang, sebab masa perjalanan mau sampai di sana pun ambil masa dalam 3 hari baru sampai jadi masa kau di sana memancing ada 1 hari ja, sebab 3 hari lagi masa untuk kau jalan pulang. Tapi kalau dorang mau 3 hari 2 malam ja bagus dorang memancing dekat-dekat area sini ja...*

(Informan, Kru Kapal)

Berdasarkan analisis dapatan kajian menunjukkan pengusaha kapal terlibat secara langsung dalam pemilihan lokasi aktiviti memancing rekreasi laut dalam. Antara lokasi aktiviti memancing rekreasi yang popular adalah di kawasan perairan Pulau Mengalum, Pulau Layang-Layang dan Pulau Mantanani. Aspek pemilihan lokasi ini bergantung kepada tempoh masa pemancing menyewa kapal. Walau bagaimanapun, pemancing juga boleh memilih lokasi kegemaran mereka. Menurut Holland (1992), lokasi aktiviti memancing penting kepada pemancing untuk mendapatkan hasil tangkapan yang banyak kerana pelbagai spesies ikan hidup di kawasan yang berbeza.

### **(c) Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Aspek Pertandingan**

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pengusaha kapal sewaan pernah terlibat secara langsung dalam aktiviti pertandingan peringkat antarabangsa. Antara pertandingan memancing yang popular adalah Sabah International Fishing Tournament (SIFT). Hal ini kerana pertandingan yang dianjurkan ini disertai oleh pemancing asing yang terdiri dari negara China, Jepun, Brunei dan New Zealand. Rata-rata lokasi pertandingan dijalankan di laut dalam yang memerlukan pemancing berada di kawasan berkenaan untuk beberapa hari. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ditton et al. (2002) yang menjelaskan industri perusahaan kapal sewaan merupakan perkhidmatan penting kepada pemancing yang tidak mempunyai pengangkutan untuk memancing. Menurut O'Keefe dan Miller (2011), pertandingan memancing yang dianjurkan membuka peluang kepada perusahaan kapal sewaan malahan dapat menyumbang kepada ekonomi setempat serta membentuk sebuah persekitaran baru yang mampu menarik perhatian pemancing lain pada masa akan datang.

Terdapat satu anjuran memancing peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Persatuan Pengail Sabah setiap tahun. Peserta yang mengikuti pertandingan ini terdiri daripada penduduk tempatan dan pemancing asing daripada China, Scotland, Taiwan, Jerman dan Amerika Syarikat. Pengusaha kapal sewaan terlibat untuk membawa kumpulan peserta memancing tersebut ke kawasan memancing yang ditetapkan oleh pihak penganjur di perairan Pulau Layang-Layang. Hal ini membuka peluang kepada pengusaha kapal sewaan untuk mempromosikan kapal mereka sebagai pengangkutan peserta memancing. Ini seperti dijelaskan oleh seorang informan;

*...pernah. Ini tahun orang Brunei yang naik sini pigi Layang-Layang bulan 4... suda kena booking... dorang suda bagi deposit... dorang mau naik kapal ni... orang Brunei... dengar-dengar dorang sewa RM10,000.00. Saya rasa lebih lagi dari RMOK sebab itu harga dulu sekarang naik sudah... tapi kan dia punya hadiah saya dengar RM25K dengan alat-alat pancing...*

(Informan 9, Kru Kapal)

Walaupun bagaimanapun, terdapat salah seorang informan yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah terlibat dalam aktiviti pertandingan Memancing Sabah International Fishing Tournament (SIFT) berikutan saiz kapal mereka yang tidak membolehkan mereka untuk belayar ke perairan lautan yang berombak kuat seperti di perairan Pulau Layang-Layang.

*...kami tidak ikut pertandingan tu, sebab kapal kami kecil bah ...nda sesuai kalau bawa pegi Pulau Layang-Layang takut karam...*

(Informan 10, Kru Kapal)

#### (d) Penglibatan Pengusaha Kapal Sewaan dalam Aspek Penjanaan Ekonomi

Dapatan kajian menunjukkan penglibatan pengusaha kapal dari aspek ekonomi turut melibatkan pemilik kapal, kapten kapal dan kru kapal. Ia berkait rapat dengan pendapatan pengusaha kapal tersebut sama ada secara langsung dan tidak langsung. Pendapatan ekonomi bagi pemilik kapal dikira berdasarkan keuntungan yang diperolehi hasil daripada sewaan pemancing rekreasi manakala penjanaan ekonomi bagi kapten kapal dan kru kapal dikira berdasarkan gaji sebulan dan komisen yang diperolehi. Menurut informan;

*...kadang-kadang untung, kadang-kadang rugi juga lor... ini bisnis dia ikut musim, kalau kuat angin kami tidak berani turun... lagipun air laut sejuk ikan tidak berapa makan... tapi kalau dalam bulan 4 sampai bulan 8 ikan banyak makan ooo... orang pun banyak pegi laut sampai 1 bulan ada 5 kali kapal saya turun laut... itu untung dari orang sewa kapal saya lor... lagi banyak orang sewa lagi banyak untung saya dapat...*

(Informan 2, Pemilik Kapal)

Selain itu, seorang informan menyatakan tentang sumber pendapatan yang diperolehi. Menurut beliau, gaji yang diberikan kepadanya tidak melebihi RM500 sebulan dan hanya bergantung dengan komisen yang diberikan sekiranya ada pemancing yang menyewa kapal mereka. Berikut merupakan pernyataan yang diberikan oleh informan tersebut.

*...gaji saya cukup-cukup makan la dalam RM200 - RM250 begitu... kalau kami pegi laut bos bagi juga komisen dalam RM400...*

(Informan 10, Kru Kapal)

Berdasarkan analisis dapatan kajian menunjukkan penjanaan ekonomi pengusaha kapal sewaan iaitu pemilik kapal bergantung kepada hasil keuntungan yang diperolehi manakala kapten kapal dan kru kapal adalah berdasarkan pemberian gaji sebulan dan komisen yang beri. Berdasarkan temu bual mendalam, keuntungan pemilik kapal bergantung kepada duit sewaan yang diperolehi. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Stoll et al. (2002) yang menjelaskan keuntungan sesebuah kapal dapat ditentukan dengan kadar sewaan per trip, jumlah penumpang dan bayaran keperluan asas. Selain itu, kapten kapal dan kru kapal diberikan gaji untuk memastikan kapal dijaga dan diuruskan.

#### IMPLIKASI DASAR

Pada umumnya, pengusaha kapal sewaan untuk aktiviti memancing laut dalam di Kota Kinabalu jauh ketinggalan dari aspek pembangunan prasarana, pendidikan dan ekonomi. Sungguhpun begitu, profil kapal sewaan aktiviti memancing memiliki keunikan kerana kapal sewaan memiliki kemudahan yang selesa dan lengkap seperti kemudahan bilik tidur, tandas dan dapur. Seterusnya, penglibatan daripada pihak pemegang taruh dapat dilihat dengan adanya program pertandingan peringkat antarabangsa yang mampu membantu meningkatkan perusahaan kapal sewaan aktiviti memancing. Penglibatan pihak pemegang taruh ini sangat penting dalam membantu pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing serta dapat memperkembangkan aktiviti memancing rekreasi

laut dalam di Kota Kinabalu. Oleh itu, beberapa implikasi dasar dan cadangan dikemukakan hasil daripada kajian ini.

### ***Menganjur dan Mempromosikan Kapal Sewaan Secara Sistemik, Berterusan dan Bersepadu***

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan pengusaha kapal sewaan kurang mengetahui tentang cara promosi yang berkesan. Malahan, ada pengusaha yang tidak pernah melibatkan diri dengan mempromosikan kapal sewaan mereka. Oleh itu, sokongan daripada pihak pemegang taruh yang terlibat dalam aktiviti memancing rekreasi adalah penting untuk memperbaiki tahap dan strategi pemasaran kapal sewaan aktiviti memancing di Kota Kinabalu. Antara langkah yang boleh diambil adalah menganjur dan mempromosikan kapal sewaan aktiviti memancing secara sistemik, berterusan dan bersepadu melalui program aktiviti memancing menggunakan kapal sewaan dengan mempamerkan hasil tangkapan, pertandingan dan penjualan hasil tangkapan ikan yang bertujuan mendedahkan kepada masyarakat umum terutamanya pemancing dengan pelbagai jenis teknik memancing dan kapal sewaan di Sabah yang unik dan tersendiri.

### ***Menyedia dan Menawarkan Pakej Aktiviti Memancing Menggunakan Kapal Sebagai Produk Tarikan Pemancing Rekreasi dan Pemancing Pelancong***

Melalui pemerhatian penyelidikan, Kota Kinabalu mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai destinasi aktiviti memancing rekreasi menggunakan kapal sewaan yang berdaya saing dengan mempamer dan mempromosikan pakej sebagai produk tarikan pemancing rekreasi tempatan mahupun antarabangsa. Antara jenis pakej yang unik dan mampu menarik pemancing ialah tempoh masa keberadaan di atas kapal sewaan dan lokasi aktiviti memancing rekreasi yang berhampiran dengan perairan pulau sekitar perairan Kota Kinabalu. Namun begitu, persoalannya adalah bagaimana menjadikan kapal sewaan aktiviti memancing ini sebagai tarikan pemancing rekreasi. Hal ini kerana pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing menghadapi kekangan dari aspek pengurusan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan terutamanya tentang cara pemasaran yang berkesan. Oleh itu, inisiatif yang boleh dilaksanakan adalah menyediakan atau menawarkan pakej aktiviti memancing dengan bantuan daripada pihak pemegang taruh lain dengan cara memberikan khidmat nasihat penyediaan laman web, menganjurkan promosi aktiviti memancing sebagai tarikan pemancing rekreasi dan pemancing pelancong, kursus keusahawanan, hospitaliti dan seumpamanya.

### ***Menubuhkan Koperasi untuk Menjaga Kebajikan dan Menyelaras Logistik Kapal Sewaan***

Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing seperti kurang kepakaran dalam keusahawanan, pembuatan kapal dan memperbaiki kapal. Oleh itu, langkah yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu tersebut adalah dengan cara menubuhkan koperasi kapal sewaan aktiviti memancing yang diurus dan dimiliki oleh mereka yang mempunyai pengetahuan dalam industri memancing. Kebaikan penubuhan koperasi ini mampu menjana dana secara sistemik, meningkatkan kemahiran modal insan dan menjaga kebajikan pengusaha kapal lain serta pemancing rekreasi. Ia turut berperanan dalam menganjurkan

pelbagai kursus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing dalam bidang keusahawanan.

### ***Mengaplikasi Kecanggihan Media dan Teknologi untuk Mengurus dan Mempromosikan Kapal Sewaan Aktiviti Memancing***

Bidang keusahawanan banyak menggunakan medium pemasaran secara optimum untuk mempromosikan sesuatu produk atau perkhidmatan yang disediakan agar dapat bersaing dan dikenali oleh masyarakat luar. Kemajuan teknologi masa ini perlu dimanfaatkan untuk mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan. Pegusaha kapal sewaan perlu bijak menggunakan kecanggihan media sosial seperti Whatsapp, Instagram, Telegram, Facebook, Twitter dan seumpamanya dalam usaha mempromosikan perkhidmatan kapal sewaan mereka. Selain itu, penggunaan video blog (Vlog) dan *drone* semakin popular untuk memperkenalkan sesebuah lokasi atau destinasi aktiviti memancing. Oleh itu, inisiatif perlu dilaksanakan dengan bantuan pihak kerajaan dan swasta termasuk pihak universiti tempatan dan pakar teknologi maklumat untuk membantu pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing dalam mengintegrasikan promosi dan informasi kapal sewaan aktiviti memancing dengan lebih canggih dan komersial.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, penglibatan pengusaha kapal sewaan aktiviti memancing rekreasi dari aspek pengurusan, perkhidmatan, pertandingan dan penjana ekonomi adalah menyumbang dalam memperkasakan keusahawanan dalam aktiviti memancing di Sabah, apatah lagi negeri ini terletak di tiga perairan penting di Asia Tenggara iaitu Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Terdapat prospek yang besar untuk menjadikan perairan Sabah sebagai salah satu destinasi memancing rekreasi yang terkenal di rantau ini. Untuk itu, implikasi dasar yang dicadangkan adalah perlu diambil perhatian oleh pemegang taruh yang terlibat agar industri memancing rekreasi laut dalam khususnya terus berkembang pesat dan lebih kompetitif.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1, 2015 yang bertajuk 'Pembentukan Kerangka Konseptual dan Model Pelancongan Memancing serta Saling Hubungannya dengan Industri Pelancongan'. Kod geran FRGS419 - SS -1/2105.

## RUJUKAN

- Aas, O., Haider, W. & Hunt, L. (2002). The Discoure About Catch and Release Fishing in Europe: Implications for North America. *American Fisheries Society Symposium*. 30, 201-204.
- Barnhart R. A. & Roelofs, T. D. (1977). *Catchand-release Fishing as a Management Tool*. California Cooperative Fishery Research Unit, Humboldt Stale University, Arcala.
- Burn, P. & Holden, A. (1995). *Tourism: A New Perspective*. New Jersey: Prentice Hall.
- Carls, E. G. (1976). *Long Island Boat Fishermen*. State University, New York and Cornell University. Ithaca, New York Sea Grant (SG) Report. 34.
- Cooke, S. J. & Cowx, I. G. (2005). Considering recreational fisheries impacts in global fish crises. *Bioscience*, 54, 857-859.
- Cooke, S. J. & Cowx, I. G. (2006). Contrasting recreational and commercial fishing: Searching for common issues to promote unified conservation of fisheries resources and aquatic environments. *Biological Conservation*, 128, 93-108.
- Cornwall, A. (2002). *Making Spaces, Changing Places: Situating Participation in Development*. Brighton: Institute of Development Studies. IDS Working Paper no. 170.
- Coughenower, D. D. (1986). Homer, Alaska charter fishing industry study. Alaska sea grant program. Fairbanks. *Mar. Advis. Bull*, 22, 44.
- Cox, S. P., Beard, T. D. & Walters, C. (2002). Harvest control in open access sport fisheries: hot rod or asleep at the reel. *Bulletin of Marine Science*, 70, 749-761.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Ditton, R. B., Holland, S. M. & Anderson, D. K. (2002). Recreational fishing as tourism. *Fisheries Research*, 27, 17-24.
- Ditton, R. B., Sutton, S. G., Holland, S. M., Stoll, J. R. & Milon, J. W. (2001). *A Longitudinal Perspective on the Social and Economic Characteristics of the U.S. Gulf of Mexico Charter and Party Boat Industry*. Gulf and Caribbean Fisheries Institute. 52, 372-384.
- Ditton, R. B., Gill, D. A. & L. MacGregor. (1991). Understanding the Market for Charter and Headboat Fishing Services.
- Ditton, R. B. & Strang, W. A. (1974). The economics of the Lake Michigan charter fishing industry. *Mar. Techno. Soc. J.*, 10(2):32-36.
- Dittrich, M. T. (1974). Understanding the Charter Boat Fishing Market on Wisconsin's Lake Michigan. Univ. Wis., Madison. Master Thesis (tidak diterbitkan).
- Dumes, C. F., Whitehead, J. C., Landry, C. E. & Herstine, J. H. (2009). *Economic Impacts and Recreation Value of the North Caroline for-hire Fishing Fleet*. North Caroline Sea Grant Fishery Resource Grant (FRG) Report 07 FEG 05, NC.
- Falks, J. M., Graefe, A. R., Alkire, C. & Swartz, D. (1983). *1982 Head/Charter Boat Fishing in Delaware: An Analysis of Customers and Their Economic Impact*. Universty Delaware. Sea Grant Coll. Program, Newark Sea Grant Report. Del-SG-03-83. 54.
- Graefe, A. R. & A. J. Fedler. (1986). Situational and subjective determinants of satisfaction on marine recreational fishing. *Leisure Sci*, 8:275-295,
- Holland, S. M., Ditton, R. B. & D. A. Gill. (1992). The U.S Gulf of Mexico Charter Boat Industry: Activities centers, species targeted and fisheries management opinions. *Marine Fisheries Review*, 54(2):21-27.

- Jennings, G. R. (2010). *Tourism Research*. 2nd Edition. Brisbane. John Wiley.
- Oh, C. O., Jodice, L. W., Bachman, J. R. & Hammitt, W. E. (2016). Angler and non-angler preference for non-consumptive value-added products and services associated with charter boat trips. *Ocean and Coastal Management*, 130, 299-308.
- Oh, C. O., Lyu, S. O. dan Holland, S. M. (2012). Understanding tourists' preferences for boat fishing trips. *Tourism Economics*, 18(2), 413-429.
- O'Keefe, D. M. & S. R. Miller. (2011). *2009 Lake Michigan Tournament Fishing Study*. Michigan Sea Grant Report.
- Pascoe, S., Doshi, A., Dell, Q., Tonks, M. & Kenyon, R. (2014). Economic value of recreational fishing in moreton bay and the potential impact of the marine park rezoning. *Tourism Management*, 41, 53-63.
- Pereira, D. L. & Hansen, M. J. (2003). A Perspective on challenges to recreational fisheries management summary of the symposium on active management of recreational fisheries. *North American Journal of Fisheries Management*, 23, 1276-1282.
- Policansky, D. (2002). Catch and release recreational fishing: A historical perspective. In *Recreational Fisheries: Ecological, Economic and Social Evaluation* (eds). Blackwell Science, Oxford. 74-94.
- Pretty, J. N. (1995). *Participatory Learning for Sustainable Agriculture*. World Development: Forth coming (August 1995) Vol. 23, No. 8.
- Samples, K. C. & Schug, D. M. (1985). *Charter Fishing Patrons in Hawaii: A study of Their Demographics, Motivations, Expenditures and Fishing Values*. U. S. Department Commer, NOAA, Natl. Mar. Fish. Serv. Southwest Fish. Cent. Admin. Rep. H-85-8C, 130.
- Stoll, J., Milon, W., Ditton, R., Sutton, S. & S. Holland. (2002). *The Economic Impact of Charter and Party Boat Operations in the Gulf of Mexico*. 53rd (ed) Gulf and Caribbean Fisheries Institute. GCFI:53 p. 318-331.
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wates, N. (2000). *The Community Planning Handbook*. Earthscan Publications Ltd, London.
- Wimmer, Roger D. & Joseph R. Dominick. (1997). *Mass Media Research: An Introduction*. Belmont, Calif Wadsworth Pub.